

**KEPUTUSAN PERSIDANGAN
JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN TAHUN 1990**

1 . TUJUAN

Kertas ini dibuat adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berkenaan dengan keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) mengenai hukum-hukum agama dan isu-isu semasa yang telah dibuat dalam persidangannya untuk mendapatkan kebenaran Majlis mewartakan fatwa tersebut dalam Warta Kerajaan.

2. LATARBELAKANG

- 2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diwujudkan dari tahun 60an lagi. Dalam jangka masa tersebut Jawatankuasa ini telah banyak menjalankan aktiviti-aktivitinya untuk kepentingan umat Islam seluruhnya khususnya di Negeri Selangor ini.
- 2.2. Jawatankuasa ini berbincang dengan sedaya upaya bagi mengatasi masalah yang ditimbulkan di samping mengeluarkan keputusan-keputusan fatwa hasil dari pertanyaan orang ramai.
- 2.3. Maka hasil perbincangan, jawatankuasa ini telah banyak membuat keputusan bagi menjawab persoalan tersebut.
- 2.4. Di dalam kertas ini mengandungi keputusan-keputusan mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) yang telah dibuat dalam tahun 1990 untuk dimaklumkan kepada mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor dan mendapatkan kebenaran untuk mewartakan dalam Warta Kerajaan.

3. **AHLI - AHLI JAWATANKUASA**

Ahli-ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) adalah dipilih daripada mereka yang mempunyai ketokohan serta mempunyai pengetahuan agama yang luas. Ahli-ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) yang dinyatakan di bawah adalah ahli jawatankuasa bagi tahun 1990. Ahli-ahli jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut :

1. SS Dato' Haji Ishak bin Baharom
Dato' Seri Utama Diraja
Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan. - Pengerusi
2. Tuan Haji Abu Naim bin Hj. Ikhsan
SF Kadi Besar Negeri Selangor - Timbalan Pengerusi
3. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang - Ahli
4. S.S. Dato' Hj. Mahmad Mahtar bin Hj. Mahmud Salleh
Bekas Pengarah, JAIS - Ahli
5. Prof. Madya Dr. Mahmud Saedon bin Awang Othman
Pensyarah, Universiti Islam Antarabangsa - Ahli
6. Tuan Hj. Mokhtar bin Hj. Mat Razi
Bekas Nazir pelajaran Agama Islam
Kuala Selangor (Telah meninggal dunia) - Ahli

Setiausaha/Urusetia

Mulai tahun 1985, Urusetia bagi Jawatankuasa ini diletakkan di bawah bidang tugas Bahagian Penyelidikan, maka penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan akan menjadi Setiausaha bagi Jawatankuasa ini. Mereka yang pernah menjawat jawatan setiausaha adalah seperti berikut :

1. Tuan Haji Turmidi bin Surif
2. Tuan Haji Mohd Amin bin Haji Abdul Rashid
3. Tuan Haji Khairuddin bin Haji Abdul Samad
4. Tuan Haji Aluwi bin Parman.

4. **KEPUTUSAN-KEPUTUSAN YANG TELAH DIBUAT**

TAHUN 1990

1. Hukum Mengenakan Bayaran Perkhidmatan 4 peratus.
2. Penentuan kadar zakat fitrah bagi tahun 1410/1990
3. Hukum memindahkan 2 buah kubur lama untuk membuat jalan di Kuang, Selangor.
4. Setakat mana seseorang bayi itu dapat disahkan nasab dengan ibu dan bapanya.
5. Apa hukum kerajaan memberi kebenaran kepada orang bukan Islam mendirikan kuil/tokong/gereBermain kompang di dalam masjid/Surau.
6. Kedudukan geran sementara samada pesaka atau tidak.
7. Fatwa kedudukan masjid lama Pekan Banting.
8. fatwa mengenai pentadbiran tanah wakaf Masjid Kg. Delek.
9. Fatwa menggunakan wang tabung masjid untuk membena Sekolah Agama.
10. Fatwa mendirikan sembahyang Jumaat di Masjid Pusat latihan Dusun Tua, Hulu langat.

5. **CADANGAN**

Keputusan-keputusan Fatwa ini dikemukakan kepada mesyuarat Majlis Agama Islam untuk makluman dan memohon kebenaran mewartakan keputusan ini dalam warta Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh,
Bahagian penyelidikan,
Urusetia,
Jawatankuasa perunding Hukum Syara'(Fatwa)
Negeri Selangor Darul Ehsan.

TAHUN 1990

Bil	Perkara	Mukasurat
1.	Hukum Mengenakan Bayaran Perkhidmatan 4 peratus	5
2.	Penentuan kadar zakat fitrah bagi tahun 1410/1990	7
3.	Hukum memindahkan 2 buah kubur lama untuk membuat jalan di Kuang, Selangor.	8
4.	Setakat mana seseorang bayi itu dapat disahkan nasab dengan ibu dan bapanya.	10
5.	Apa hukum kerajaan memberi kebenaran kepada orang bukan Islam mendirikan kuil/ tokong/gereja	11
6.	Kedudukan geran sementara samada pesaka atau tidak.	12
7.	Fatwa kedudukan masjid lama Pekan Banting.	14
8.	fatwa mengenai pentadbiran tanah wakaf Masjid Kg. Delek.	16
9.	Fatwa menggunakan wang tabung masjid untuk membena Sekolah Agama.	21
10.	Fatwa mendirikan sembahyang Jumaat di Masjid Pusat latihan Dusun Tua, Hulu langat.	22

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
HUKUM MENGENAKAN BAYARAN PERKHIDMATAN KE ATAS PINJAMAN WANG TUNAI**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah menerima persoalan daripada Pengurus Besar, Pertubuhan Peladang Sabak Bernam yang bertanyakan berkenaan dengan hukum mengenakan bayaran perkhidmatan 4 peratus daripada pinjaman wang tunai: adakah ianya dikira riba atau tidak.

Dalam pada itu, timbul persoalan yang sama iaitu, apakah hukumnya meminjam wang kerajaan yang dikenakan faedah untuk membeli rumah atau kenderaan.

Oleh kerana soalan ini hampir sama, Jawatankuasa memutuskan, jawapan yang diberi adalah untuk menjawab kedua-dua soal tersebut.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwanya mengenai perkara ini.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

Ahli Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam dan mengambil keputusan seperti berikut :

"Hukum mengenakan bayaran perkhidmatan 4 peratus daripada pinjaman wang tunai kepada ahli PPK, Sabak Bernam dan hukum meminjam wang kerajaan yang dikenakan faedah untuk membeli rumah atau kenderaan adalah harus dengan syarat tidak dimasukkan ke dalam akad seperti ternyata dalam Kitab Al Fatwa Al-Fataniah Lilmarhum As-Syeikh Muhammad bin Mustapa Al-Fatani, bilangan (49) muka surat 131 yang berbunyi :

Soal (49) :

Masalah apa kata kamu pada seseorang mengambil daripada Cina seumpama dua ribu rial dan telah berkata Cina itu dengan adatnya dalam seribu, tiga puluh rial, dan ia terima akan dua ribu itu daripadanya dengan ketiadaan ijab dan kabul dan ia memberi tatkala membayar atau ketika sekarang itulah akan tiga puluh rial pada tiap-tiap seribu seperti adatnya adalah jadi riba atau tiada?

Jawab (49) :

Tiada jadi riba kerana syarat pada membayar lebih pada Mazhab Syafie itu bahawa adalah lebih itu disyaratkan dia di dalam akad seperti katanya (aku memperhutangkan akan dikau seribu rial itu dengan syarat bahawa engkau membayar kepada aku seribu dan tiga puluh rial dan berkata yang berhutang (aku berhutanglah kepada engkau seribu rial ini dengan syarat tersebut), maka jadilah demikian itu riba yang haram.'

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 31 Januari 1990.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
PENETAPAN KADAR BAYARAN ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1410H/1990M**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' telah menerima permohonan daripada Bhg. Baitulmal/Zakat bagi menentukan kadar bayaran zakat fitrah bagi tahun 1990/1410 seperti dibawah :

1. Beras A1 - 2.27 kilogram x 1.07 = RM 2.43
2. Beras A2 - 2.27 kilogram x .99 = RM 2.25
3. Beras A3 - 2.27 kilogram x .91 = RM 2.06

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

- 2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam dan keputusannya adalah seperti berikut :

"Setelah dibahaskan mesyuarat bersetuju menetapkan bahawa kadar zakat fitrah bagi tahun 1410/1990 sebanyak RM 2.30 (dua ringgit tiga puluh sen) mengikut harga beras gred A2.

Keputusan ini dibuat dalam persidangannya yang dibuat pada 30 Januari 1990.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
HUKUM MEMINDAHKAN DUA BUAH KUBUR LAMA UNTUK MEMBUAT JALAN**

1, T AJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' dalam persidangannya pada 25 Mei 1990 telah dimaklumkan bahawa satu permohonan memindahkan kubur lama kerana terlibat dengan projek pembesaran jalan telah diterima daripada Masjid KM 28, Kuang Daerah Gombak.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam dan mengambil keputusan seperti berikut :

Setelah dibincangkan mesyuarat bersetuju dengan keputusan Fatwa kali kedua tahun 1986 bilangan 5.3 yang berbunyi :

" Majlis Fatwa memutuskan bahawa hukumnya harus (boleh) memindahkan kubur orang Islam yang terlibat dari tanah perkuburan tersebut ke tanah perkuburan yang lain untuk pembesaran jalan dengan syarat jika mayat-mayat dalam kubur yang hendak dipindahkan itu sudah hancur sama sekali, jika sekiranya mayat-mayat yang terlibat belum hancur jasadnya, maka hukumnya haram menggali dan memindahkan ke tempat lainnya".

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 25 Mei 1990.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUK' IIM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
SETAKAT MANA SESEORANG BAYI ITU DAPAT DISABITKAN
NASABNYA DENGAN IBU DAN BAPANYA**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (fatwa) telah diajukan dengan satu persoalan berkaitan dengan nasab seseorang bayi dengan kedua ibu bapanya. Persoalannya adalah seperti berikut :

Setakat mana seseorang bayi itu dapat disabitkan nasabnya dengan ibu bapanya.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Perkara ini telah dikemukakan kepada mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) untuk diperbincangkan dalam persidangannya bertarikh 25 Mei 1990 tetapi belum ada sebarang keputusan dibuat.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
HUKUM MEMBERI KEBENARAN KEPADA ORANG BUKAN ISLAM MEMBENA KUIL**

1. T AJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum syara' (fatwa) dalam persidangannya pada 25 Mei 1990 telah dimaklumkan bahawa ada pertanyaan berkenaan dengan apakah hukumnya kerajaan memberi kebenaran kepada orang bukan Islam mendirikan kuil/ tokong dan gereja.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam dan keputusannya adalah seperti berikut :

" Ahli Mesyuarat bersepakat masalah tersebut dimajukan kepada Fatwa Kebangsaan kerana ianya melibatkan masalah Negara. "

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 25 Mei 1990.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
KEDUDUKAN GERAN SEMENTARA SAMADA PESAKA ATAU TIDAK**

1 . TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah menerima satu permasalahan yang ditimbulkan oleh seorang petani berkenaan dengan kedudukan geran sementara samada ianya harta pesaka atau tidak.

Permasalahan adalah seperti berikut :

"Ada seorang petani semasa hidupnya telah mengusahakan tanah sawah dengan mendapat kebenaran sementara atau T.O.L. atas sebab tertentu. Urusan mendapatkan geran tanah milik tetap tidak dapat diusahakan sehinggalah petani tersebut meninggal dunia, kemudian salah seorang waris petani tersebut telah mengusahakan bagi mendapatkan geran tanah milik tetap dan usahanya telah berhasil".

Persoalan yang timbul adalah seperti berikut:

1. Adakah tanah sawah tersebut menjadi harta pesaka atau tidak.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwanya mengenai perkara ini.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) dalam persidangannya bertarikh 22/9/1990 telah membincangkan perkara di atas dengan panjang lebar dan membuat keputusan seperti berikut :

“ Setelah dibincangkan oleh Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) dan penjelasan daripada Pejabat Tanah Dan Galian Selangor, bahawa syarat lesen tumpangan sementara ini dikeluarkan adalah sebagai lesen tahunan dan tempoh tamatnya pada tarikh yang dinyatakan atau selewat-lewatnya pada penghujung tahun ia dikeluarkan atau diperbaharui. Lesen tersebut tidak memberi hak tanah tetapi kebenaran mengguna tanah sahaja. Oleh yang demikian disyaratkan lesen tersebut

tidak boleh dituruni atau ditukarmilik mana-mana pihak sekalipun. Oleh yang demikian fatwa membuat keputusan bahawa tanah sawah tersebut adalah tidak menjadi harta pesaka kerana ia tidak diberi hak tanah, hanya diberi guna dalam tempoh sementara sahaja".

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 22 September 1990.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
KEDUDUKAN MASJID LAMA PEKAN BANTING**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah menerima satu pertanyaan daripada AF Tuan Kadi Kuala Langat menerusi surat yang bertarikh 4 Oktober 1989 bersamaan 4 Rabiul Awal 1410 dengan bilangan surat (131) dlm PAI.K.Lgt 218(M) yang memohon fatwa berkenaan dengan kedudukan Masjid Lama Pekan Banting.

Persoalannya adalah seperti berikut :

Masjid Lama Pekan Banting sekarang ini tidak digunakan lagi untuk sembahyang Jumaat kerana sebuah Masjid baru telah didirikan tidak jauh dari masjid tersebut (lebih kurang 5 rantai).

Masjid tersebut sekarang ini sudah uzur, tetapi masih ada digunakan untuk iktikaf masjid sembahyang waktu dan jemaahnya tidaklah begitu ramai.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwanya mengenai perkara ini.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) dalam persidangannya bertarikh 22/9/1990 telah membincangkan perkara di atas dengan panjang lebar dan membuat keputusan seperti berikut :

"Bahawa Masjid lama pekan Banting itu haruslah dirobohkan dan barang-barang perkakasnya yang boleh digunakan lagi seperti kayu dan sebagainya bolehlah disedekahkan kepada Masjid & Surau atau Sekolah Agama yang memerlukannya dan barang-barang yang tidak boleh dipakai bolehlah dibakar dan kawasan Masjid tersebut hendaklah dipagar untuk menjaga kebersihan dan kehormatannya".

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada persidangannya bertarikh 22 September 1990.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
KEDUDUKAN PENTADBIRAN TANAH WAKAF MASJID KG DELEK KLANG**

1 . TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah menerima pertanyaan bersurat daripada En. Onn bin Ibrahim. Bendahari merangkap Pengerusi Lujnah Ekonomi & Tanah Wakaf. Masjid Nurul Amin, Kg. Delek. Klang yang memohon fatwa berkenaan dengan kedudukan tanah wakaf yang ditadbir oleh masjid berkenaan.

Permasalahan yang ditimbulkan iaitu Masjid Kg. Delek Klang ini ada mentadbirkan sebidang tanah yang diwakafkan kepada Masjid di Lot 3516. Kg. Delek. Klang.

Tanah ini dipecah-pecahkan menjadi 22 tapak yang kemudian disewakan untuk didirikan rumah kediaman si penyewa sendiri dengan bayaran RM 25 sebulan. Tempoh bayaran bermula pada awal November 1986 bagi jangka masa 10 tahun sehingga Oktober 1996. Semua penyewa dikehendaki mendirikan rumah kediaman di dalam tempoh masa yang diberikan. Di samping itu si penyewa dikehendaki menjelaskan bayaran projek sebanyak RM 195 dan bayaran tiang lampu sebanyak RM 130.

Terdapat ramai penyewa yang masih belum mendirikan rumah kediaman sebagaimana yang dikehendaki walaupun mereka telah mula membayar sewa tapak sejak projek ini bermula November 1986 yang lalu.

Selain dari itu terdapat ramai juga penyewa yang liat membayar sewa tapak bulanan menyebabkan bayaran sewa ini tertangguh dari masa ke semasa.

KES PERTAMA :

Penyewa "A" mengambil keputusan untuk menyerahkan kembali tapak yang disewakannya disebabkan telah mendapat peluang memiliki rumah sendiri. Beliau masih belum membina rumah kediaman dan liat membayar sewa tapak bulanan menyebabkan bayaran sewanya tertangguh.

SOALANNYA

1. Bolehkah beliau menuntut kembali bayaran sewa tapak bulannya yang telah dijelaskan dengan alasan beliau belum membena rumah di atas tapak yang disewanya.(tiada masalah untuk mengembalikan bayaran projek dan bayaran tiang lampu disebabkan bayaran ini boleh dipungut daripada penyewa baru)
2. Adakah bayaran sewa bulanan yang tertangguh dianggap sebagai tunggakan hutang si penyewa yang boleh dituntut oleh pihak Masjid selaku pentadbir tanah wakaf itu.

KES KEDUA :

Penyewa "B" telah meninggal dunia baru-baru ini, seperti penyewa A. Allahyarham masih belum membuat rumah kediaman dan liat membayar sewa tapak bulannya menyebabkan bayaran semuanya tertangguh.

SOALANNYA

Seperti kes pertama. bolehkah si waris menuntut kembali bayaran :

1. Sewa tapak bulanan yang telah dijelaskan oleh Allahyarham dengan alasan yang sama rumah belum dibena ditapak yang disewanya.
2. Adakah bayaran sewa bulanan yang tertangguh dianggap sebagai tanggungan hutang Allahyarham yang patut dijelaskan oleh warisnya.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwanya mengenai perkara ini.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan panjang lebar dan membuat keputusan seperti berikut :

A. Jawapan bagi soalan dalam kes pertama

1. Beliau tidak boleh menuntut kembali bayaran sewa yang telah dijelaskan, kerana tapak yang disewa telah disediakan mulai November 1986 hingga 1996 dan begitu juga bayaran projek dan bayaran tiang lampu.

Alasan beliau belum membena rumah itu adalah kecuaiannya si penyewa dan boleh mendatangkan kerugian pada orang yang menyewakan. Oleh itu tidak sewajarnya wang tersebut dituntut oleh si penyewa.

2. Bayaran sewa bulanan yang tertangguh adalah dianggap sebagai hutang yang wajib dibayar dan pihak Masjid selaku pentadbir tanah wakaf boleh menuntut hutang tersebut.

B. Jawapan bagi soalan kes kedua

1. Si waris tidak berhak menuntut kembali bayaran sewa yang telah dijelaskan kerana ia adalah sebagai sewa tapak yang telah dijanjikan tapak telah diberi untuk digunakan.
2. Bayaran sewa bulanan yang tertangguh adalah dianggap sebagai tanggungan hutang Allahyarham yang wajib dijelaskan oleh warisnya.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada persidangannya bertarikh 22 September 1990.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
PERMOHONAN PENGGUNAAN WANG TABUNG MASJID UNTUK MEMBENA SEKOLAH**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah menerima persoalan daripada Setiausaha, Masjid Kg. Sg. Lang Baru, Banting yang bertanyakan berkenaan dengan hukumnya menggunakan wang tabung masjid untuk membena sekolah.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwanya mengenai perkara ini.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti berdasarkan nas yang muktabar dan mengambil keputusan seperti berikut :

"Wang tabung masjid daripada hasil derma am orang ramai adalah diutamakan penggunaan wangnya kepada aktiviti-aktiviti kebajikan masjid yang berkenaan itu, tetapi jika sekiranya wang itu berlebihan daripada keperluan masjid itu, maka bolehlah digunakan untuk aktiviti-aktiviti lain seperti membuat sekolah, surau dan sebagainya.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada bertarikh 22 September 1990.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
PERMOHONAN MENDIRIKAN SEMBAHYANG JUMAAT
DI MASJID PUSAT LATIHANI BELIA, DUSUN TUA, HULU LANGAT**

1 . TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah menerima permohonan daripada pihak Pusat Latihan Belia Dusun Tua, Hulu Langat yang memohon kebenaran mendirikan sembahyang Jumaat di Masjid Pusat Latihan berkenaan.

Maka Jawatankuasa Perunding Rukum Syara'(Fatwa) telah diminta untuk memberikan Fatwanya mengenai perkara ini.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Perbahasan ini merujuk kepada surat AF Tuan Kadi Hulu Langat bertarikh 8/9/1990 di mana dalam siasatan beliau sembahyang jumaat di Masjid tersebut tidak cukup 40 orang yang bermastautin. Beliau juga merujuk fatwa Al-Ehsaniah nombor 23 yang berbunyi " Adalah tidak sah sembahyang jumaat dengan kurang daripada 40 orang menurut kaul muktamad dalam Mazhab Syafie.

2.2 Setelah perbincangan dilakukan keputusannya adalah seperti berikut :

" Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor mengambil keputusan bahawa sembahyang Jumaat di Pusat Latihan Belia Dusun Tua harus diadakan bertaqlik (bersandar) kepada Mazhab Hanafi dengan alasan seperti berikut :

1. Mengikut Mazhab Hanafi syarat sah jumaat itu memadai empat orang termasuk Imam.
2. Oleh kerana terdapat ramai orang Islam yang mukallaf tinggal di kawasan tersebut yang mana mereka itu cukup syarat bagi mendirikan sembahyang jumaat mengikut hukum syara' walaupun tidak bermastautin.

3. Dilihat dari zaman kemajuan masakini dan perkembangan Islam terutama di kawasan tersebut ada kegigihan pelatih dan kakitangan yang mengerjakan ibadah sembahyang jumaat adalah satu kebaikan yang sangat disanjung tinggi oleh Islam.
4. Pihak Pusat Latihan Belia Dusun Tua menghadapi kesukaran untuk membawa pelatih yang begitu ramai iaitu kira-kira 500 orang ke masjid yang berhampiran lebih kurang 2 kilometer
5. Pusat Latihan Belia telah memberikan kemudahan yang baik bagi mengadakan sembahyang jumaat di tempat tersebut dan mengadakan pegawai-pegawai seperti Imam, Bilal dan Siak.

Keputusan Fatwa ini dibuat adalah berdasarkan kepada masalah yang dihadapi oleh Pusat Latihan Belia Dusun Tua sahaja dan tidak mengenenpikan keputusan fatwa yang lalu atau pendapat-pendapat kaul yang muktabar "

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada persidangannya bertarikh 22 September 1990.